



Pengumuman terkini

Pelancaran "Malaysia Premium Pavilion" yang Pertama dengan Kerjasama FGJAM

KUALA LUMPUR: Pameran Barangan Kemas yang terbesar - *Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) 2012* akan kembali pada 19 hingga 22 Julai 2012 (Khamis – Ahad), dari pukul 11 pagi hingga 7 petang, di Kuala Lumpur Convention Centre.

Sempena dengan MIJF 2012, para penganjur dengan sukacita maklumkan pelancaran "Malaysia Premium Pavilion" dengan berganding bahu dengan persatuan tukang emas yang terkemuka di Malaysia, Federation of Goldsmiths and Jewellers Associations of Malaysia (FGJAM). Pelancaran pavilion tersebut merupakan pavilion yang dilancarkan bagi kali pertama dalam sejarah pameran barangan kemas Malaysia dan bertujuan untuk memaparkan Malaysia sebagai pertukangan emas yang terbaik di rantau Asia Tenggara, dan turut mempamerkan koleksi barangan kemas buatan Malaysia yang bermutu tinggi.

Mr. Johnson Lim, CEO Elite Expo Sdn Bhd mengatakan bahawa beliau berjangka tentang peningkatan permintaan barangan kemas emas di pasaran dunia, serta peningkatan harga bar emas dan barangan kemas emas pada masa depan. "Kami percaya bahawa, dengan kerjasama FGJAM dalam pembentukan pavilion eksklusif ini, kami boleh menunjukkan para pedagang antarabangsa bahawa, Malaysia mempunyai kemahiran pertukangan emas yang terperinci di rantau Asia Tenggara. Tambahan lagi, kami ingin menyampaikan mesej bahawa industri barangan kemas tempatan bukan lagi industri yang semakin malap, tetapi merupakan industri yang akan memberangsangkan pada masa depan!"



Dengan sokongan dari ahli-ahli FGJAM dalam MIJF 2012, Malaysia Premium Pavilion telah berjaya mengumpulkan 28 gerai pameran dan Pavilion ini pasti akan menggalakkan interaksi perniagaan antara peniaga barangan kemas tempatan dan pedagang luar Negara dan menawarkan pelbagai barangan kemas yang klasik, elegan, dan unik dari reka cipta Malaysia. Justeru, pavilion ini akan meningkatkan taraf industri barangan kemas Malaysia ke taraf antarabangsa!

###

Untuk maklumat terlanjut tentang Malaysia Premium Pavilion, sila menghubungi

Bahagian PR & Komunikasi
Elite Expo Sdn Bhd

Tel: (603) 58911157

Fax: (603) 58911147

Email: info@eliteexpo.com.my

Website: www.elite.com.my